

15 OCT 2003

Mahathir-Ekonomi/I

KEKUATAN EKONOMI PERLU UNTUK DAPATKAN PENGARUH -DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara Islam perlu mempunyai ekonomi yang kukuh untuk mendapatkan pengaruh dalam arena antarabangsa.

"Ini hanya boleh didapati menerusi pentadbiran yang baik dan kemahiran masyarakat perniagaan kita," katanya dalam ucap-tama bertajuk "Ke Arah Pembaharuan OIC: Agenda untuk Keamanan dan Kemakmuran" pada Forum Perniagaan OIC, di sini.

Forum itu diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya.

Dr Mahathir menggesa negara Islam supaya melibatkan diri dalam sektor perindustrian walaupun pihak lain semakin melibatkan diri dalam era maklumat.

"Kita mempunyai keupayaan yang besar untuk menuju ke arah sektor perindustrian kerana kita mempunyai kemahiran intelek dan bakat perniagaan untuk membina dan mengendalikan industri yang boleh membekalkan kita dengan keperluan kita," katanya.

Sambil merujuk kepada bagaimana Jepun, Korea dan China yang telah menjadi negara perindustrian dan bakal menguasai ekonomi dunia, beliau berkata umat Islam juga boleh setanding dengan mereka.

Beliau berkata negara Islam boleh lakukan apa yang tiga ekonomi itu boleh lakukan. Pada masa yang sama, dunia Islam boleh bertambah kaya, seterusnya mewujudkan pasaran "untuk kita dan negara lain juga."

"Pasaran yang kaya merupakan satu kuasa. Sebahagian daripada keselamatan kita bergantung kepada keupayaan membentuk regim ekonomi antarabangsa menerusi kekayaan pasaran kita dan menerusi kekayaan asli yang kita ada," katanya.

Dr Mahathir berkata negara Islam boleh mendapatkan sumber dan saling melengkapi dalam pengeluaran barangan perindustrian untuk mengelak pertindihan yang menelan kos yang tinggi.

Jika negara Islam bekerjasama, katanya, umat Islam mudah untuk "menerima produk kita sendiri untuk pasaran kita sendiri."

"Tiada yang dapat menandingi pasaran sendiri untuk menyokong dan memastikan kejayaan produk. Dan kita secara teorinya mempunyai pasaran satu perenam penduduk dunia, sebahagian daripadanya kaya," kata Perdana Menteri.

Dalam perniagaan, kata Perdana Menteri, orang Islam perlu meningkatkan reputasi mereka sebagai golongan yang jujur dan amanah, bukan setakat bercakap tetapi melalui tingkah laku juga kerana ia boleh memberi mereka kejayaan.

"Etika perniagaan membawa kepada kepercayaan dan kepercayaan membawa kepada lebih banyak perniagaan dan lebih banyak keuntungan. Dan nilai dan etika Islam sememangnya membawa kepada kepercayaan dan kejayaan kepada umat," kata Dr Mahathir.

Pada masa yang sama, orang Islam mesti mengelak daripada tamak kerana ia seperti penyakit yang meracun minda dan membawa kepada amalan tidak beretika.

"Amalan perniagaan yang baik untuk orang Islam juga mesti difikirkan, didokumentasi dan diajar secara bersistematik.

"Adalah baik untuk memetik sumber Quran dan hadis tetapi sering ia hanya di bibir semata-mata. Kita perlu mengamalkannya selaras dengan petikan-petikan ini."

-- BERNAMA

MAD FR JR RON